

SEJARAH PERJUDIAN DI BORNEO UTARA (1881-1941)



ANDREY JAMES
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**SEJARAH PERJUDIAN DI BORNEO UTARA
(1881-1941)**

ANDREY JAMES



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH PERJUDIAN DI BORNEO UTARA (1881 – 1941)**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SEJARAH**

Saya **ANDREY JAMES**, Sesi **2018-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,


ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)




(Dr. Maureen De Silva)
Penyelia

Tarikh : 18-4-2023

PENGAKUAN

Kajian ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 September 2022



.....

Andrey James
MA1721034T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ANDREY JAMES**
NO. MATRIK : **MA1721034T**
TAJUK : **SEJARAH PERJUDIAN DI BORNEO UTARA
(1881-1941)**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **25 NOVEMBER 2022**



PENYELIA

Dr. Maureen De Silva

DISAHKAN OLEH;
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read "maureen de silva".

PENGHARGAAN

Salam Sejahtera. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Awal kata, selaku penulis saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurniaNya yang mengurniakan usia dan kesihatan kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan sepenuhnya. Kajian ini tidak akan dapat diselesaikan sekiranya tidak mendapat sebarang bantuan dan tunjuk ajar, serta kerjasama daripada pihak atau individu yang terlibat. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ke atas penyelia kajian saya iaitu Dr. Maureen De Silva yang sentiasa memberi tunjuk ajar, nasihat yang berguna, semangat, serta kesempatan dan peluang kepada saya bagi menyiapkan kajian ini.

Selain itu, sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih buat para sahabat iaitu saudara Azmil, Noel, Adriel, dan Joel serta rakan-rakan seperjuangan yang lain yang sentiasa memberikan sokongan, bantuan, semangat, nasihat dan juga informasi yang berguna bagi melengkapkan kajian ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Sandra Yuson kerana sentiasa memberi sokongan, bantuan dan juga semangat bagi saya menyiapkan kajian saya ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua insan yang sangat istimewa iaitu ibubapa saya James bin Gasida dan Annie Giting, berserta ahli keluarga yang sentiasa memberikan nasihat, bantuan, semangat dan dorongan kepada saya untuk terus berjuang dalam menuntut ilmu seterusnya memberikan saya kekuatan agar terus berusaha dengan gigih untuk menyiapkan kajian saya ini. Penulis juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses untuk menyiapkan kajian yang dijalankan ini.

Andrey James
25 November 2022

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang kegiatan perjudian di Borneo Utara semasa di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBC). Dalam kajian ini akan melihat dinamika aktiviti perjudian di Borneo Utara semasa era BNBC, mengetahui penguattuan undang-undang perjudian di Borneo Utara yang telah dilaksanakan oleh BNBC dan akan menilai impak perjudian ke atas Borneo Utara. Sumber utama yang digunakan majoritinya dirujuk menerusi Arkib Negeri Sabah, khususnya dalam fail *North Borneo Central Archives* dan *Secretariat File*. Bahan sekunder yang digunakan bahan yang dirujuk menerusi buku, tesis, jurnal, kertas seminar, bab dalam buku, laman web dan lain-lain. Hasil kajian ini mendapati bahawa penjajahan BNBC ke atas Borneo Utara adalah titik penting dalam perkembangan kegiatan perjudian di Borneo Utara. Fenomena ini dijelaskan menerusi peranan BNBC dalam mengaut keuntungan daripada hasil aktiviti perjudian yang dijalankan. Pelbagai aktiviti perjudian telah giat dilakukan di Borneo Utara seperti lumba kuda, sabung ayam dan terdapat lagi aktiviti yang lain. Kemasukan buruh asing yang telah dibawa masuk ke dalam Borneo Utara telah membantu dalam meningkatkan lagi kegiatan perjudian ini. Perjudian ini telah memberi kesan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial di Borneo Utara. Akhir sekali, usaha untuk membendung kegiatan perjudian ini dengan memperkenalkan tentang dasar-dasar perjudian telah dilaksanakan oleh pihak BNBC bagi mengurangkan aktiviti perjudian di Borneo Utara.

Kata Kunci: Aktiviti Perjudian, Dasar Perjudian, BNBC, Impak Perjudian, Borneo Utara



ABSTRACT

History Of Gambling In North Borneo (1881-1941)

This study focuses on gambling activities in North Borneo while under the administration of the British North Borneo Chartered Company (BNBC). In this study, will see the dynamics of gambling activities in North Borneo during the BNBC era, know the enforcement of gambling laws in North Borneo that have been implemented by BNBC and will assess the impact of gambling on North Borneo. The main sources used are mostly referenced through the Sabah State Archives, particularly in the North Borneo Central Archives file and Secretariat File. Secondary materials used materials referenced through books, theses, journals, seminar papers, chapters in books, websites and others. The results of this study found that the BNBC colonization of North Borneo was an important point in the development of gambling activities in North Borneo. This phenomenon is explained through the role of BNBC in reaping profits from the gambling activities carried out. Various gambling activities have been actively carried out in North Borneo such as horse racing, cockfighting and there are other activities. The influx of foreign labor that has been brought into North Borneo has helped in increasing this gambling activity. This gambling has had an impact in the political, economic and social aspects of North Borneo. Finally, efforts to curb gambling activities by introducing gambling policies have been implemented by the BNBC to reduce gambling activities in North Borneo.

Keywords: *Gambling Activities, Gambling Policy, BNBC, Impact of Gambling, North Borneo*



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI FOTO	xi
SENARAI PETA	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Sorotan Literatur	4
1.5	Kepentingan Kajian	12
1.6	Skop Kajian	12
1.7	Metodologi Kajian	13
1.8	Struktur Kajian	15
1.9	Rumusan	18

BAB2: PENTADBIRAN BNBC DI BORNEO UTARA

2.1	Pengenalan	19
2.2	Pentadbiran Borneo Utara	20
2.3	Pentadbiran Borneo Utara dan Seterusnya	23
2.3.1	Struktur Pentadbiran	27
2.3.2	Pentadbiran Am	28
2.3.3	Polisi Ekonomi	31
2.3.4	Dasar BNBC	34
2.3.5	Migrasi	36
2.3.6	Buruh	39
2.4	Sejarah Awal Kegiatan Perjudian	42

BAB 3: KEGIATAN AMALAN PERJUDIAN DI BORNEO UTARA

3.1	Pengenalan	47
3.2	'World View' Perjudian dan Falsafah Sosialnya Secara Umum	48
3.3	Definisi Judi dan Etika Kegiatan Perjudian	53
3.4	Perjudian dari Perspektif Beberapa Agama	59
	3.4.1 Kegiatan Perjudian dalam Perspektif Kristian	60
	3.4.2 Kegiatan Perjudian dalam Perspektif Islam	62
	3.4.3 Kegiatan Perjudian dalam Perspektif Buddhisme	65
3.5	Kategori-Kategori Perjudian	67
3.6	Jenis-Jenis Perjudian Yang Dijalankan di Borneo Utara	70
	3.6.1 Permainan Kad	70
	3.6.2 Laga Ayam	74
	3.6.3 Lumba Kuda	76
	3.6.4 Loteri	79
	3.6.5 Aktiviti Berburu	77
	3.6.6 Kelab Perjudian	78
3.7	Kontrak dan Lesen Perjudian	79
3.8	Penutup	84

BAB 4: UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERJUDIAN DAN PELAKSANAANNYA DI BORNEO UTARA

4.1	Pengenalan	85
4.2	Undang-Undang Berkaitan Perjudian	85
	4.2.1 Ordinan 1 Tahun 1930	87
	4.2.2 Membayar Rumah Pertaruhan atau Loteri	92
	4.2.3 Tangkapan oleh Majikan	93
	4.2.4 Waran Carian Terhadap Orang	94
	4.2.5 Anggapan Terhadap Rumah dan Penghuni	95
	4.2.6 Makluman kepada Penghuni dan Pemilik	96
	4.2.7 Perlindungan Para Pemberi Maklumat	97
	4.2.8 Pembatalan dan Wang Dibayar Boleh Dipulihkan (GN 162/36)	99
4.3	Pelaksanaan Undang-Undang Terhadap Aktiviti Kegiatan	100
	4.3.1 Penindasan Perjudian	100
	4.3.2 Berjudi di Kelab	100
	4.3.3 Government Secretary Office (GSO)	101
	4.3.4 Proklamasi VIII (1891)	103
	4.3.5 Pemberitahuan 98 tahun 1891	105
	4.3.6 Pemberitahuan 119 dari 1893	107
	4.3.7 Proklamasi VI (1914)	111
4.4	Penutup	117


BAB 5: IMPAK KEGIATAN PERJUDIAN TERHADAP SOSIO EKONOMI DI BORNEO UTARA

5.1	Pengenalan	118
5.2	Impak Kegiatan Perjudian di Borneo Utara (1881-1941)	119
5.2.1	Ekonomi	119
5.2.2	Sosial	124
5.3	Tindak Balas Komuniti Borneo Utara	127
5.4	Pemansuhan Judi	130
5.5	Kewujudan Ordinan Masyarakat	131
5.6	Penutup	143

BAB 6: KESIMPULAN	144
--------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	156
--------------------	-----


LAMPIRAN	165
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1 : Bilangan Meja	108
Jadual 4.2 : Bilangan Meja	110




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

Halaman

Foto 2.1 : Carta Sistem Pentadbiran BNBC


26



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA


	Halaman
Peta 3.1 : Peta Persempadanan Borneo Utara Semasa Zaman BNBC	22



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


- ATC** - American Trading Company
BCC - British Crown Colony
BNBC - The British North Borneo Company
BNBH - British North Borneo Herald
BNBCC - British North Borneo Chartered Company
GN - Government Notification
GSO - Government Secretary Office
KM - Kilometer
NBCA - North Borneo Central Archives
SBUB - Syarikat Berpiagam Borneo Utara



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Keratan Akhbar Pertandingan Lumba Kuda	164
Lampiran B : Perlumbaan Kuda di Kota Belud	165
Lampiran C : Aktiviti Perjudian	166
Lampiran D : Senarai Gabenor British North Borneo Company	167
Lampiran E : Suppresion of Gambling	168
Lampiran F : Minutes of Meeting of The Native Chief	169
Lampiran G : Suppresion of Gambling 2	170
Lampiran H : Notice about Gambling	171



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Borneo Utara sebelum kedatangan kuasa imperialis merupakan sebuah wilayah yang mundur dalam pelbagai aspek dan tidak memperlihatkan ciri-ciri sesebuah ketamadunan yang kukuh. Pandangan dunia penjajah melihat Borneo Utara sebagai satu sahutan untuk mereka memanfaatkan kekayaan yang dimiliki oleh wilayah ini, disamping menyebarkan ideologi pemikiran dan budaya mereka ke atas penduduk tempatan. Maka, sebagai sebuah kuasa imperialis dunia dengan tingkat ketamadunan manusia yang paling tinggi, British telah memulakan jejaknya ke atas Borneo Utara menerusi *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) dan kemudiannya *British Crown Colony* (BCC) bagi mencapai motif utama mereka iaitu mengumpulkan kekayaan, tanah jajahan dan menyebarkan ideologi barat dengan mempengaruhi mentaliti masyarakat bahawa apa yang diamalkan oleh Barat juga harus diamalkan oleh penduduk tempatan dalam tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Dalam pada itu, Syarikat Borneo Utara British (BNBC) menduduki Borneo Utara selepas kerajaan Sulu menyerahkan wilayahnya. BNBC mula mentadbir wilayah ini pada tahun 1881 dan berakhir pada tahun 1941 yang mana pada waktu itu bermulanya pendudukan kuasa Jepun di Borneo Utara.

Semasa pemerintahan BNBC, wilayah Borneo Utara merupakan kawasan pertembungan budaya dari seluruh dunia. Ketika pemerintahan BNBC terdapat satu kegiatan yang telah mulai meningkat dan berkembang semasa mereka memerintah di Borneo Utara. Kegiatan itu adalah di kenali sebagai kegiatan perjudian, kegiatan ini juga memang sedia wujud di kalangan masyarakat tempatan sebelum kedatangan BNBC. Kegiatan perjudian yang dijalankan ini adalah salah satu tarikan utama di kalangan masyarakat tempatan di Borneo Utara. Penduduk peribumi gemar menjalankan aktiviti yang berunsurkan perjudian secara kecil-kecilan sahaja. Aktiviti

laga ayam merupakan antara kegiatan yang biasa dilakukan oleh masyarakat asal, kegiatan perjudian ini telah diperkembangkan dan telah beroperasi secara sah. Dasar yang telah dilaksanakan Syarikat di Borneo Utara itu telah menjadikan pusat kegiatan perjudian meningkat dan semakin bertambah. Menurut K. Raymond, Borneo Utara telah mulai terkenal sebagai pusat perjudian dan diikuti dengan kegiatan pelacuran dan pengedaran opium, hal ini terjadi akibat perkembangan aktiviti judi. Perkembangan perjudian ini telah sedikit sebanyak membantu BNBC untuk mendapatkan pendapatan dan seterusnya mengukuhkan ekonomi syarikat tersebut di Borneo Utara. Selain itu, kegiatan perjudian yang pesat membangun ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial akibat daripada aktiviti perjudian ini. Walaupun BNBC memperoleh kesan positif daripada kegiatan perjudian ini, namun impak yang negatif telah diterima komuniti Borneo Utara sehingga membawa kepada wujudnya penentangan terhadap pengeluaran lesen oleh pihak BNBC kepada pengusaha-pengusaha perjudian. Walaupun penulisan tentang kegiatan perjudian ini telah pernah ditulis oleh penyelidik yang lain sebelum ini, namun satu penyelidikan yang lebih khusus dan lebih terarah kepada kegiatan perjudian belum dirungkai sepenuhnya.

1.2 Permasalahan Kajian

Kegiatan perjudian di Borneo Utara telah wujud sebelum kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBC) lagi. Pada era sebelum kedatangan BNBC, perjudian ini merupakan salah satu yang tidak menyalahi undang-undang di Borneo Utara, bahkan kegiatan ini adalah dikira sebagai aktiviti yang menarik dan merupakan tempat mereka meluangkan masa ketika mereka tidak melakukan pekerjaan. Kegiatan perjudian ini hanya dijalankan secara kecil-kecilan sahaja dan bukan dalam kelompok yang besar. Namun selepas kedatangan BNBC ke Borneo Utara, kegiatan perjudian ini meningkat naik secara mendadak, hal ini demikian kerana pembawaan buruh asing ke Borneo Utara telah membawa aras kegiatan perjudian ini berubah ke aras yang lebih tinggi. Buruh asing yang dibawa masuk daripada China telah membawa masuk beberapa aktiviti perjudian yang baru ke dalam masyarakat tempatan di Borneo Utara. Kegiatan yang merupakan kecil-kecilan telah berubah kepada lebih besar selepas kedatangan BNBC.

Semasa mentadbir Borneo Utara, BNBC telah merangka beberapa polisi ekonomi untuk melicinkan jentera pentadbirannya. Borneo Utara telah menjadi salah satu kawasan yang menjalankan aktiviti perjudian yang sah di sisi undang-undang dan berkembang pesat dengan pembukaan sarang perjudian yang mendapat galakkan daripada kuasa British itu sendiri. Kegiatan perjudian ini yang telah diperluaskan secara terang-terangan dilihat telah meninggalkan impak dan kesan ke atas komuniti Borneo Utara sehingga terpaksa diberhentikan secara rasmi pada tahun 1931 melalui pelaksanaan undang-undang perjudian. Aktiviti perjudian telah menjadi tarikan selepas BNBC datang ke Borneo Utara, dan akibat daripada kegiatan perjudian yang semakin ekstrem, aktiviti ini telah diberhentikan untuk mengawal keadaan di Borneo Utara. Walaupun ada undang-undang yang menetapkan monopoli perjudian ini untuk menghentikan perjudian yang berlaku di luar kuasa yang ditetapkan. Namun amalan perjudian masih berterusan dan sukar untuk dikawal. Mengapakah undang-undang yang wujud tidak berkesan sepenuhnya? Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dan BNBC untuk menghentikan perjudian yang tidak terkawal ini? Permasalahan yang mendominasi kajian ilmiah berkaitan dengan kegiatan perjudian dan penguatkuasaan undang-undang yang tidak dapat dikawal di Borneo Utara. Penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat pelbagai halangan yang menjelaskan usaha ini.

Bagi menjawab permasalahan kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang dapat dikenal pasti iaitu: -

- I. Apakah dinamika aktiviti perjudian yang dilakukan di Borneo Utara dan sejarah awal kegiatan ini dilakukan di kalangan penduduk semasa era BNBC?
- II. Bagaimanakah penguatkuasaan undang-undang perjudian di Borneo Utara yang telah dilaksanakan oleh BNBC?
- III. Bagaimanakah impak aktiviti perjudian ke atas pihak penjajah dan penduduk Borneo Utara secara keseluruhan?


1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan kajian ini telah menggariskan tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini iaitu:

- I. Memahami dinamika aktiviti perjudian di Borneo semasa era BNBC.
- II. Mengetahui penguatkuasaan undang-undang perjudian di Borneo Utara yang telah dilaksanakan oleh BNBC.
- II. Menilai impak perjudian ke atas Borneo Utara.

1.4 Sorotan Literatur

Dalam melakukan penulisan mengenai kegiatan perjudian di Borneo Utara sekitar tahun 1881 hingga 1941, terdapat ramai pengkaji mahupun penulis yang telah menjalankan penyelidikan mereka mengikut variasi penulisan sejarah sama ada histografi dan epistemologi. Namun penulisan mereka masing-masing terpisah di antara sejarah politik, hubungan diplomatik, pemberontakan dan kegiatan perjudian. Oleh itu, kajian ini merupakan satu tajuk yang sangat mencabar disebabkan kepelbagaiannya yang telah pernah di tulis mengenai kajian ini.



Bagi memahami lebih lanjut tentang kegiatan perjudian di Borneo Utara dapat di lihat dalam hasil penulisan K. G Tregonning yang bertajuk "*Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*".¹ Penulisan beliau banyak memberi gambaran tentang perjalanan pemerintahan BNBC di Borneo Utara secara menyeluruh. Aspek-aspek pentadbiran, perluasan kuasa dan perkembangan sektor ekonomi diterangkan dengan lebih mendalam. Selain itu, buku ini juga ada menyentuh tentang peranan buruh dalam perkembangan ekonomi seperti memajukan ladang-ladang tembakau dan bagaimana golongan ini memberi sumbangan yang besar dalam penghasilan jaringan pengangkutan seperti jalan raya dan landasan kereta api. Dalam pada itu, ada juga bahagian dalam penulisan beliau yang menyentuh tentang kegiatan perjudian yang berlaku dalam kalangan buruh-

¹ K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, Singapore: Universiti of Malaya Press, 1958.

buruh estet yang bekerja di bawah penguasaan orang British dan mandur-mandur Cina. Kegiatan perjudian ini dikatakan pesat dijalankan ekoran kemasukan orang Cina dari Hong Kong yang membuka ladang-ladang perjudian dan opium untuk dijual secara sah. Dalam pada itu, pembawaan masuk buruh asing ini telah membawa kepada peningkatan aras aktiviti perjudian semakin tinggi. Maka dalam penulisan ini dapat mengisi kekurangan dalam penulisan ini berdasarkan fokus utama kajian ini iaitu mengetahui dalamnya aktiviti perjudian di Borneo Utara sebelum dan selepas kedatangan BNBC. Oleh itu, hasil penulisan buku ini dapat membantu menyiapkan kajian ini dengan lebih lengkap lagi.

Berdasarkan karya penulisan Raymond Kennedy yang bertajuk "*Status of British Borneo, Far Eastern Survey*",² penulisan ini menyentuh tentang latar belakang pentadbiran BNBC di Borneo Utara secara umum sebagaimana yang telah diketengahkan oleh K.G Tregonning sebelum ini. Raymond Kennedy juga menyatakan tentang perkembangan ekonomi melalui sumber-sumber daripada hasil bumi dan juga kegiatan perjudian dan ini sama seperti yang telah di tulis oleh K. G Tregonning. Selain daripada itu, penulis ini ada menyatakan bahawa semasa pentadbiran BNBC di Borneo Utara, ladang-ladang perjudian dan pusat penjualan opium pesat dijalankan. Hasil daripada kegiatan perjudian dan penjualan opium ini dijalankan melalui penyewaan tanah, royalti dan cukai yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha pusat perjudian. Walaubagaimanapun, penulis ada menyatakan bahawa hasil-hasil pendapatan ini tidak dicatat dalam mana-mana laporan pentadbiran BNBC dan ianya memberi kelebihan kepada kajian ini untuk mendalami kedalaman aktiviti perjudian di Borneo Utara sebelum dan selepas kedatangan BNBC. Namun, walaupun kajian ini mempunyai persamaan dengan beberapa kajian yang lain, tetapi keseluruhan kandungannya tidak menyentuh tentang topik utama kajian ini. Kekurangan kajian ini juga akan menjadi kekuatan kepada topik utama dengan menerapkan sejauhmanakah dalamnya aktiviti perjudian di Borneo Utara sebelum dan selepas kedatangan BNBC.

² Raymond Kennedy, *Status of British Borneo, Far Eastern Survey*, New York: Institute of Pacific Relations, Vol. 14, No. 17, 1945.

Dalam karya penulisan Owen Rutter yang bertajuk "*British North Borneo: An Account of Its History, Resources, and Native Tribes*",³ penulisan beliau ini merupakan tentang kegiatan perjudian yang dijalankan di Borneo Utara sekitar tahun 1881 hingga 1941. Owen memperlihatkan tentang jenis-jenis aktiviti perjudian yang dijalankan di Borneo Utara. Beliau mengatakan bahawa loteri merupakan antara jenis-jenis kegiatan perjudian yang giat dijalankan dalam kalangan masyarakat Cina di Borneo Utara ketika itu. Dalam pada itu, beliau juga menulis bahawa loteri Wah Weh antara yang disebut dalam buku ini berkenaan aktiviti perjudiannya dalam penjualan nombor ekor dan ianya dibuka tiga hari dalam seminggu. Selain itu, penulisan karya ini juga memberi gambaran tentang aktiviti perjudian yang giat dijalankan dalam kalangan masyarakat tempatan terutamanya kaum Illanun dan Bajau yang terkenal dengan aktiviti laga ayam. Penulisan Owen Rutter ini mempunyai persamaan dengan Ellen Newbold La Motte⁴ yang menyatakan tentang aktiviti perjudian, namun yang membezakan penulisan mereka adalah Ellen Newbold La Motte lebih kepada aktiviti perjudian dan pajak gadai yang berganding dalam mendapatkan keuntungan lebih. Dalam buku ini akan dapat pengkaji untuk melengkapkan lagi penulisan kajian ini kerana huraiyan yang ada dalam buku ini dapat memenuhi kekangan yang ada dalam fokus kajian ini. Oleh itu, penulisan buku ini dapat memenuhi fokus utama iaitu sejauhmana dalamnya aktiviti perjudian di Borneo Utara sebelum dan selepas kedatangan BNBC.

Seterusnya dalam buku yang ditulis oleh C. F. C. Macaskie yang bertajuk "*The Law and Legislation of the State of North Borneo*",⁵ penulisan ini menjelaskan tentang undang-undang dan dasar yang telah diperkenalkan ataupun dijalankan di Borneo Utara semasa pemerintahan BNBC. Menurut Macaskie, sebelum kedatangan BNBC ke Borneo Utara, kawasan Borneo Utara di bawa pemerintahan Sultan Brunei dan Sultan Sulu, di mana terdapat pembahagian kawasan yang berada dalam pemerintahan Sultan Brunei dan Sultan Sulu ketika itu. Di sini pengkaji dapat

³ Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of Its History, Resources, and Native Tribes*, London: Constable & Company Limited, 1922.

⁴ E. N. La Motte, *The Ethics of Opium*, Amerika Syarikat: Arno Press Inc, 1981.


⁵ C. F. C Macaskie, *The Law and Legislation of the State of North Borneo*, University of Cambridge: Cambridge University Press, Journal of Comparative Legislation and International Law, Third Series, Vol. 3, No. 3, 1921.

mengetahui lebih lanjut tentang undang-undang yang telah dijalankan di Borneo Utara sebelum kedatangan BNBC ke Borneo Utara. Namun selepas kedatangan BNBC ke Borneo Utara mereka telah mengenakan undang-undang yang baru seperti yang dilaksanakan di tempat mereka. Penulis turut mengatakan bahawa di sini bermulanya pengenalan kepada "English Law" iaitu undang-undang yang sama dikenakan oleh BNBC di tempat asal mereka. Dalam pada itu, buku ini juga memperlihatkan tentang undang-undang mengenai aktiviti perjudian yang berlaku di Borneo Utara. Macaskie ada menyatakan tentang "Gaming" dalam bukunya dan terdapat peraturan yang telah diketengahkan dalam mengawal aktiviti perjudian di Borneo Utara. Beliau menyatakan bahawa aktiviti perjudian ini adalah di bawah "*Ordinance 6 of 1914 defines 'Gaming' as any game of chance or any mixed game of chance and skill*", di dalam ordinance ini hanya orang-orang yang terpilih sahaja akan berjaya mendapatkan lesen dalam perjudian dan bagi yang tidak mempunyai lesen akan dikenakan denda. Macaskie mengupas lebih lanjut tentang dasar dan undang-undang yang telah diwujudkan di Borneo Utara semasa pemerintahan BNBC. Buku ini amat berkait rapat dengan fokus utama dalam penulisan kajian ini danuraian dalam buku ini mampu memberikan penulisan kajian ini menjadi lebih lengkap. Oleh itu, penulisan buku ini amat seiring dengan fokus kajian iaitu mengkaji undang-undang perjudian di Borneo Utara yang telah dilaksanakan oleh BNBC.

Dalam artikel yang ditulis oleh Amity Doolittle yang bertajuk "*Colliding Discourses: Western Land Laws and Native Customary Rights in North Borneo, 1881-1918*"⁶, artikel ini adalah menjurus kepada menerokai zaman awal pemerintahan BNBC di Borneo Utara. Penulis artikel ini memfokuskan kepada peralihan undang-undang barat sebagai sumber kepada kekuasaan koloni dan pengesahan kedudukan mereka di Borneo Utara. Amity mengatakan bahawa walaupun kekuasaan koloni dapat ditonjolkan menerusi undang-undang yang baru ini tetapi tidak mustahil akan berlaku perbalahan dalam kalangan penduduk asal Borneo Utara. Pengenalan kepada undang-undang ini adalah merupakan untuk membentuk Borneo Utara menjadi pasaran yang luas dalam penanaman agrikultur. Penulis artikel ini lebih kepada memfokuskan kepada masalah yang berlaku daripada pengenalan undang-undang

⁶ Amity Doolittle, *Colliding Discourses: Western Land Laws and Native Customary Rights in North Borneo, 1881-1918*, United Kingdom: Cambridge University Press, Journal of Southeast Asian Studies, Vol. 34, No. 1, 2003.

barat ke atas Borneo Utara. Amity mengariskan konflik yang berlaku melalui laporan-laporan yang ditulis oleh Gabenor di Borneo Utara dan bagaimana peningkatan penanaman tobacco itu meningkat seiring dengan pengenalan undang-undang yang baru di Borneo Utara. Penulisan Amity memfokuskan tentang undang-undang dan hampir sama dengan yang dikatakan oleh Macaskie dalam "*The Law and Legislation of the State of North Borneo*", namun apa yang membezakan adalah Amity menekankan tentang konflik yang berlaku apabila undang-undang baru telah diperkenalkan. Dalam artikel ini menyentuh banyak tentang konflik yang berlaku di Borneo Utara menerusi pengenalan undang-undang barat ke atas Borneo Utara dan peningkatan penanaman tobacco di Borneo Utara yang memperlihatkan keuntungan kepada BNBC. Walaupun artikel ini tidaklah menyentuh sangat dengan fokus utama penulisan kajian ini, namun huraian tentang sejarah awal undang-undang di Borneo Utara dan undang-undang baru yang telah diperkenalkan boleh dijadikan kekuatan bagi penulisan fokus kajian ini yang menyentuh tentang undang-undang perjudian di Borneo Utara yang telah dilaksanakan oleh BNBC.



Ellen Newbold La Motte melalui bukunya yang bertajuk "*The Ethics of Opium*",⁷ menjelaskan bahawa pengaruh candu dalam kehidupan sosial masyarakat di Borneo Utara ketika di bawah pentadbiran BNBC. Hasil pengaruh candu ini adalah seiring dengan peningkatan kepada aktiviti kegiatan perjudian di Borneo Utara. Kegiatan perjudian ini beliau katakan telah turut memonopoli bidang ekonomi selain opium. Pusat-pusat perjudian yang semakin banyak dibuka seiring dengan pembukaan pusat pajak gadai. Penulis turut menyatakan bahawa rumah-rumah perjudian yang diusahakan akan sentiasa bergandingan dengan kedai pajak gadai bagi memudahkan para pengunjung untuk membuat input tambahan mengenai aktiviti perjudian yang giat dijalankan di Borneo Utara dalam penulisan Ellen Newbold La Motte. Penulisan kajian ini tidak dapat memenuhi topik utama kajian yang ingin dilakukan kerana hanya aspek kepada pengaruh candu dan hanya serba sedikit tentang kegiatan perjudian. Namun, kandungan kajian ini mampu untuk melengkapkan beberapa persoalan yang timbul dalam penulisan kajian yang sedang dilakukan terutamanya dalam mengenalpasti impak perjudian ke atas Borneo Utara.

⁷ E. N. La Motte, *The Ethics of Opium*, Amerika Syarikat: Arno Press Inc, 1981.